SERVICE COPY

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN SIVIL)

**GUAMAN NO. S. 22 411 2004**

ANTARA

1. SARAWAK SHELL BHD (71978-W)
2. SHELL MALAYSIA TRADING SENDIRIAN BERHAD (6078-M)
3. SHELL REFINING COMPANY (FEDERATION OF MALAYA) BHD (3926-U)
4. SHELL TIMUR SDN BHD (113304-H)
5. SHELL EXPLORATION AND PRODUCTION MALAYSIA B.V. (993963-V)
6. SHELL OIL AND GAS (MALAYSIA) LLC (993830-X)
7. SHELL SABAH SELATAN SDN BHD (228504-T)
8. SABAH SHELL PETROLEUM COMPANY LTD (993229-W) PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

HUONG YIU TUONG DEFENDAN

**WRIT SAMAN**

**"YANG AMAT ARIF TAN SRI HAIDAR BIN MOHAMED NOOR, P.S.M., D.M.P.N., J.S.M., D.J.N., HAKIM BESAR MALAYA ATAS NAMA DAN BAGI PIHAK SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG".**

Kepada :

HUONG YIU TUONG
LOT 845
PUJUT 4C, DAWAI 2
98100 MIRI
SARAWAK

on 30th June 2004
at 5.45 I called Mr Liew
@ 03-21474624 seeking
English Version of Writ Saman

Mohan called and said an English Version will be sent to my email and followed up by post

A1, page 1 of 5

Kami perintahkan kamu bahawa dalam tempoh duabelas (12) hari selepas penyampaian writ ini ke atas kamu, termasuklah hari penyampaian itu, kamu hendaklah menyebabkan kehadiran dimasukkan untuk diri kamu dalam kausa atas guaman **SARAWAK SHELL BHD (71978-W), SHELL MALAYSIA TRADING SENDIRIAN BERHAD (6078-M), SHELL REFINING COMPANY (FEDERATION OF MALAYA) BHD (3926-U), SHELL TIMUR SDN BHD (113304-H), SHELL EXPLORATION AND PRODUCTION MALAYSIA B.V. (993963-V), SHELL OIL AND GAS (MALAYSIA) LLC (993830-X), SHELL SABAH SELATAN SDN BHD (228504-T)** dan **SABAH SHELL PETROLEUM COMPANY LTD (993229-W)** dan ambil perhatian bahawa, jika kamu ingkar berbuat demikian, Plaintif-Plaintif boleh meneruskan untuk mendapatkan penghakiman dan pelaksanaan.

FAJRUL SHIHAR BT. HAJI ABU SAMAH

DISAKSIKAN oleh Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur pada 23 haribulan Jun 2004.

FAJRUL SHIHAR BT. HAJI ABU SAMAH
PENOLONG KANAN PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
KUALA LUMPUR

| | |
|---|---|
| .................................. | .................................. |
| Peguamcara Plaintif-Plaintif | Timbalan Pendaftar |
| Tetuan T H Liew & Partners | Mahkamah Tinggi Malaya |
| | Kuala Lumpur |

***Memorandum yang hendak diturunkan pada Writ***

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih daripada enam (6) bulan kalendar selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah Mahkamah.

Defendan boleh hadir bersama dengan memasukkan kehadiran sama ada sendiri atau melalui peguamcara di Pejabat Pendaftaran, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Defendan yang hadir sendiri boleh, jika dikehendakinya, memasukkan kehadirannya melalui pos, dan borang-borang tertentu bolehlah didapati dengan menghantar Kiriman Pos berharga RM10.00 berserta sampul surat beralamat sendiri kepada Pendaftar, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur.

***Pengindorsan hendaklah dibuat pada Writ Saman sebelum pengeluaran Pengindorsan Tuntutan***

Dan Plaintif-Plaintif menuntut:

1. Ganti rugi, termasuk ganti rugi teruk terhadap Defendan.

2. Satu injuksi kekal untuk menghalang Defendan daripada menerbitkan dalam apa jua bentuk, kenyataan yang sama atau yang serupa mengenai Plaintif-Plaintif, orang yang digajikan mereka atau agen mereka dan/atau jenama "Shell".

3. Satu injuksi mandatori untuk paksa Defendan untuk serta merta, mengambil segala apa langkah untuk memberi notis, atau membolehkan satu notis untuk diberikan kepada orang atau perseorangan yang menyelenggara laman web "Shell Whistleblower No 2" supaya semua web posting pada 10hb, 13hb dan 16hb Jun 2004 yang dibuat oleh Defendan di padamkan atau dikeluarkan.

4. Kos

5. Apa-apa relief yang difikirkan sesuai dan patut oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Dan RM125.00 [atau sekian banyak wang sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan] untuk kos, dan juga, jika Plaintif dapat perintah untuk penyampaian ganti, jumlah wang selanjutnya sebanyak RM225.00 [atau sekian banyak wang sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan]. Jika amaun yang dituntut dan kos dibayar kepada Plaintif atau peguamcaranya dalam tempoh 8 hari selepas penyampaian writ ini [termasuklah hari penyampaian], prosiding seterusnya akan ditangguhkan, tetapi jika ternyata daripada pengindorsan pada writ itu bahawa Plaintif adalah bermastautin di luar Wilayah terjadual, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertukaran Kawalan 1953, atau adalah bertindak mengikut perintah atau bagi pihak seseorang yang bermastautin sedemikian, prosiding akan hanya ditangguhkan jika amaun yang dituntut dan kos dibayar ke dalam Mahkamah dalam masa yang tersebut itu dan notis pembayaran itu diberi kepada Plaintif atau peguamcaranya.

Writ Saman ini telah difailkan oleh Tetuan T H Liew & Partners, Peguamcara bagi pihak Plaintif-Plaintif yang mempunyai alamat penyampaiannya di Level 28, Central Plaza, 34 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
[Tel No. 03 21474624 / 4515 / 4518 / 4503, Faks No. 03 21474512]
[Rujukan Kami: LTH/SHELL/00011-04]

**Pengindorsan tentang Penyampaian**

Writ ini telah disampaikan oleh

..........................................................................................

Diindorskan pada .............. haribulan ..................................2004

.........................................

Penghantar Saman

A1. page 5 of 5